

TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. DATO PROF DR KAMARUDDIN HUSSIN
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA MAJLIS MALAM ANUGERAH TOKOH ALUMNI UNIMAP 2013
PADA 26 JANUARI 2013 DI PULLMAN PUTRAJAYA LAKESIDE

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh , Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Mengadap Raja Muda Perlis, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, merangkap Tuanku Canselor Unimap dan Raja Puan Muda Perlis, DYTM Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah, merangkap Tuanku Pro Canselor Unimap .

Ampun tuanku.

Patik bagi pihak majlis menjunjung kasih atas limpah perkenan tuanku berdua, bercemar duli berangkat ke Majlis Anugerah Tokoh Alumni UniMAP 2013 yang julung-julung kali diadakan oleh Persatuan Alumni UniMAP.

Patik bagi pihak majlis mohon ampuni limpah perkenan tuanku untuk diteruskan aturcara majlis.

Ampun Tuanku.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Yang Berbahagia , Pengerusi LPU UniMAP & Isteri

Yang Berbahagia Prof Dr Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan naib Canselor Akademik & Antarabangsa

Yang Berbahagia Prof Dr Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi UnimAP

Yang Berusaha En Zuber Haji Mohamad, Pendaftar UniMAP

Yang Berbahagia Pn. Saodah Bt. Hassan, Bendahari UniMAP

Yang Berusaha Pn. Mazmin Bt. Mat Akhir, Pustakawan UniMAP

Penerima-penerima anugerah tokoh alumni, Yang Dihormati pihak-pihak penaja Majlis malam Anugerah Tokoh Alumni UniMAP 2013

Yang Berusaha En Razli Ahmad , Penolong Naib Canselor Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UniMAP

Yang Berusaha Prof Zuraidah , Penolong Naib Canselor Unit Pembangunan Lestari

Pengerusi Persatuan Alumni UniMAP , Saudara Syed Akhmal b Syed Jamalil

Dekan-dekan dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP staf-staf UniMAP

Seterusnya yang Diraikan semua alumni UniMAP yang hadir pada malam ini

Syukur ke hadrat Illahi dengan berkat dan limpah kurnianya dapatlah kite sama-sama bertemu dalam majlis yang julung-julung kali diadakan ini selepas sedekad UniMAP beroperasi dan setelah tujuh kali UniMAP menghasilkan graduan. Ini merupakan suatu tanda yang menunjukkan alumni UniMAP masih lagi mempunyai hubungan bersama UniMAP walaupun saya percaya bahawa para alumni UniMAP masih muda dan dalam proses menggapai cita-cita masing-masing. Dan apa yang lebih membanggakan pada hari ini alumni yang diraikan pada hari ini rata-rata sudah mempunyai pekerjaan masing-masing dan mempunyai keluarga.

Hadirin Sekalian,

Saya amat berbesar hati kerana dijemput dalam Majlis Malam Anugerah Tokoh Alumni UniMAP 2013 pada malam ini yang pertama seumpunya diadakan oleh Persatuan Alumni UniMAP. Majlis ini menyediakan peluang terbaik untuk menggalakkan penglibatan dan meluaskan rangkaian di kalangan para alumni UniMAP yang sudah berjaya. Dalam persekitaran baru dan amat mencabar ini, akan wujud dimensi baru dan keperluan baru bagi alumni untuk memberikan input positif kepada Universiti dalam menaikkan lagi nama universiti yang dahulunya merupakan tempat belajar para alumni sekalian. Ia menuntut kemampuan alumni untuk memenuhi permintaan baru dalam bidang pekerjaan, kemampuan alumni untuk berjaya dalam persekitaran yang lebih kompetitif, kemampuan alumni untuk meraih faedah daripada teknologi baru dan akhirnya kemampuan alumni untuk berfungsi dalam persekitaran yang semakin tidak pasti.

Hari ini sekali lagi kita akan menyaksikan kejayaan UniMAP yang bukan sahaja cemerlang dari bidang pendidikan dan penyelidikan malah telah menghasilkan siswazah yang berketerampilan dan berjaya. Hari ini alumni UniMAP telah hampir berjumlah 6581 orang setelah tujuh tahun UniMAP menghasilkan graduan.

BIL KOHORT JUMLAH GRADUAN	BILANGAN
01 Istiadat Konvokesyen Pertama (2006)	111
02 Istiadat Konvokesyen Kedua (2007)	563
03 Istiadat Konvokesyen Ketiga (2008)	652
04 Istiadat Konvokesyen Keempat (2009)	1,012
05 Istiadat Konvokesyen Kelima (2010)	1,176
06 Istiadat Konvokesyen Keenam (2011)	1,237
07 Istiadat Konvokesyen Ketujuh (2012)	1,830
JUMLAH	6581

Walaupun pada malam ini tidak dapat dihadiri oleh semua alumni, tetapi saya percaya ini adalah permulaan yang baik untuk alumni. Pada malam ini juga majlis ini dihadiri oleh alumni UniMAP dari 'batch' yang pertama dan ini adalah satu petanda yang baik kerana di peringkat awal ini lah alumni-alumni perlu dikumpulkan supaya hubungan dan rangkaian tidak terputus setelah bertahun-tahun alumni bergraduasi. Saya juga difahamkan terdapat mantan – mantan Majlis Perwakilan pelajar yang turut hadir untuk menyokong program ini. Tahniah saya ucapkan . Kepada alumni yang akan menerima anugerah tokoh alumni pada malam ini . tahniah juga saya ucapkan. Saya percaya pihak Persatuan Alumni telah berusaha untuk menghargai tokoh alumni dengan sewajarnya dan saya juga berharap program-program seperti ini akan diadakan lebih kerap supaya alumni sentiasa berada rapat dengan UniMAP.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Setelah 10 tahun usia, pelebaran sayap UniMAP di persada antarabangsa amat membanggakan. Fokus kita tahun ini ialah mengukuhkan kedudukan di persada antarabangsa sebagaimana termaktub di dalam teras strategik Universiti bagi tempoh 2011-2015, di mana "Keterlihatan Antarabangsa Yang Menyerlah" menjadi temanya dan alumni juga adalah penyumbang utamanya. Kini alumni UniMAP sudah rata-rata mendapat pekerjaan dalam pelbagai bidang dan tak kurang juga yang menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Boleh dikatakan hamper 100

peratus alumni UniMAP kini sudah berjaya dan terdapat juga yang menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Saya yakin bahawa alumni yang dihasilkan di UniMAP adalah bukan calang-calang. Tidak kurang juga alumni yang sekarang bekerja di syarikat multinasional berada di luar negara di luar negara dan membawa status sebagai alumni UniMAP. Perkara ini semu menunjukkan bukti UniMAP merupakan salah sebuah universiti yang berjaya menghasilkan graduan yang berkualiti tidak kira dari segi akademik atau pun pekerjaan mereka.

Hadirin Sekalian,

Saya amat bersyukur pada hari ini, DYTM Tuanku Canselor UniMAP dan Tuanku Pro Canselor turut sudi untuk hadir dalam majlis pada malam ini. Kehadiran Tuanku dalam majlis ini amat bermakna dan saya percaya semua alumni yang berada dalam dewan ini pernah bersalaman dengan tuanku semasa hari konvokesyen suatu masa dahulu. Kehadiran Tuanku cukup kita hargai dan sanjung tinggi, kerana walaupun cukup sibuk dan padat dengan aktiviti, Tuanku sanggup “turun padang” bertemu buat kali pertamanya dengan anda semua setelah bergelar Alumni UniMAP. Menjunjung kasih tuanku.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Alumni UniMAP dan Jabatan Ehwat Pelajar & Alumni UniMAP yang telah menjayakan program pada malam ini sekaligus menunjukkan UniMAP masih lagi berada di hati para alumni. Jika ada konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat, saya ingin juga kemukakan konsep “Memberi Sumbangan Sepanjang Hayat” yakni selagi nyawa dikandung badan selagi itulah kita aktif membuat kerja dan amal bakti untuk universiti yang kita cintai. Sekalung penghargaan juga saya kepada penaja – penaja yang telah memberikan sumbangan yang sedikit sebanyak turut menjayakan program ini.

Apa yang diharapkan ialah para alumni UniMAP tidak akan sesekali melupakan UniMAP yang merupakan tempat yang melahirkan anda semua sehingga berjaya pada

hari ini . Anggaphlah status anda sebagai alumni UniMAP tidak akan boleh dibuang dan memang sentiasa akan anda bawa sampai bila-bila. Maka jika ada idea dan cadangan, para alumni tanpa segan silu boleh kemukakan kepada UniMAP melalui saluran seperti Persatuan Alumni UniMAP. Saya juga ingin menjemput alumni untuk hadir semula ke UniMAP jika ada waktu kerana UniMAP kini banyak berubah . Tidak lama lagi kampus baru UniMAP di Pauh dan di Sg. Chuchuh akan beroperasi sepenuhnya. Jadi kita jemput alumni untuk datang untuk melihat pembangunan UniMAP yang semakin rancak.

Saudara hadirin & hadirat sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada malam ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah kepada ahli jawatankuasa program dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di atas komitmen yang diberikan kerana telah berjaya memastikan kelancaran majlis. Dengarkan pantun dari saya :

***Pergi ke sawah menanam padi
Singgah di sungai menangkap ikan
Hidup hendaklah bersendikan budi
Sifat sombong jangan amalkan***

***Bunga melati bunga di darat
Bunga seroja di tepi kali
Hina besi kerana karat
Hina manusia tidak berbudi***

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata sekali lagi patik ingin merafak sembah,menjujung kasih yang tidak terhingga kepada Duli Tuanku berdua di atas perkenan berangkat ke majlis pada malam ini.

Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku berdua begitu besar ertinya buat kami semua.

Patik sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh